



KEABSAHAN ULIL AMRI DENGAN KAEDAH RAMPASAN KUASA DALAM ASPEK MAQASID SYARIAH

(The Validity of Ulil Amri with the Coup D'état Approach in
the Aspect of Maqasid Syariah)

¹ MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR

¹ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Ketaatan kepada ulil amri merupakan satu perintah dalam wahyu al-Quran. Matlamat di sebalik ketaatan ini adalah agar sistem kehidupan masyarakat berada dalam keadaan stabil. Dengan kestabilan ini, kehidupan masyarakat dapat bergerak ke arah tamadun. Oleh itu, pemberontakan melawan pemerintah dan kerajaan merupakan perkara yang dilarang dalam Islam. Maka rampasan kuasa juga merupakan satu perkara yang dilarang. Namun wujud kes di mana rampasan kuasa berlaku dan pemerintah yang sedia ada digulingkan. Persoalannya apakah keabsahan kerajaan yang mendapat kuasa dengan kaedah rampasan kuasa ini diiktiraf sebagai ulil amri. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan. Kajian ini mendapati bahawa kerajaan yang diasaskan atas kaedah rampasan kuasa juga diiktiraf sebagai ulil amri. Matlamat utama agar tidak berlaku peperangan dan pertumpahan darah yang membawa kepada ketidakamanan dalam negara.

Keywords: Ulil amri, pemberontakan, rampasan kuasa, maqasid syariah

ABSTRACT

The loyalty to ulil amri serves to be a command in the decree of the Quran. The rationale of this loyalty lies in the hope that the community's system can be maintained in stability. Such a strong position will enable a community to move towards civilization. Thus, the rebels who struggle against the rulers and the government are not permissible in Islam. Similarly, the coup d'état is also forbidden in Islam. However, there are cases and unfortunate incidences when coup d'état takes place and the existing rulers are deposed. The question remains, as to how far is the government's title of ulul amri valid, with its

Corresponding author: Mohamad Nidzam Abdul Kadir, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor, Malaysia, e-Mail: nidiium@yahoo.com
Disenahkan: 20 Januari 2014
Diterima: 6 Ogos 2014





power and authorization exercised through the coup d'etat approach. This study used library research as a method of research. If the new government is acknowledged as ulil amri, it is thus the responsibility of the community to obey the orders of the new ruling party. This study finds that the government founded based on the coup d'etat approach is also endorsed as ulil amri. The main aim is to prevent war and bloodshed that contribute to national disorder and unres.

Keywords: Ulil amri, rebellion, coup d'etat, maqasid syariah

PENDAHULUAN

Ketaatan kepada *ulil amri* merupakan perintah dalam wahyu al-Quran. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَطِيعُوا أُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

“Wahai orang yang beriman! Taatilah Allah, taatilah rasul dan ulil amri di antara kamu semua.” (Surah al-Nisa 59).

Wujud pelbagai pendapat para ulama dalam memahami maksud *ulil amri*. Antaranya sahabat Nabi s.a.w., dua sahabat utama Nabi iaitu Abu Bakar al-Siddiq r.h. dan ‘Umar al-Khattab r.h., ulama dan juga ketua (al-Syawkani t.t.). Dalam konteks pentadbiran negara, ulil amri difahami sebagai pemerintah, kerajaan, ketua negara dan pihak berkuasa (Ibn Barhabasa 2001).

Dalam konteks pentadbiran dan kenegaraan, tafsiran *ulil amri* sebagai pemerintah dan kerajaan adalah tafsiran yang lebih sesuai dan relevan. Ini kerana tafsiran *ulil amri* sebagai sahabat Nabi s.a.w. adalah tafsiran yang terhad kepada zaman tersebut sahaja. Dalam aspek yang lain, wujud perbezaan pendapat di kalangan para Sahabat Nabi dalam sesuatu isu. Para ulama juga mempunyai perbezaan pendapat dalam sesuatu isu. Oleh itu, tafsiran *ulil amri* sebagai sahabat Nabi dan ulama tidak selaras dengan *maqasid* syariah dalam aspek pentadbiran dan kenegaraan (Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir dan Prof. Madya Dr. Muhd. Najib Abdul Kadir t.th). Persoalan timbul tentang pihak yang berjaya merampas kuasa daripada kerajaan yang asal. Adakah pihak ini diiktiraf sebagai *ulil amri* dan apakah keabsahan *ulil amri* dengan kaedah rampasan kuasa.

KEHARAMAN PEMBERONTAKAN TERHADAP KERAJAAN

Ulil amri adalah kerajaan, ketua negara, pihak berkuasa dan pemerintah. Oleh itu, adalah suatu kewajipan bagi masyarakat untuk mematuhi perintah *ulil amri* kerana ia merupakan perintah dalam al-Quran. Dalam hadis pula, Nabi s.a.w. bersabda (al-‘Asqalani 1998):





مَنْ كَرِهَ مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا فَلْيَصْبِرْ ، فَإِنَّهُ مَنْ خَرَجَ مِنَ السُّلْطَانِ شَبْرًا مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً

“Sesiapa yang membenci dari ketuanya akan sesuatu maka hendaklah dia bersabar. Maka sesungguhnya sesiapa yang keluar dari ketaatan kepada pemerintah kadar sejengkal maka mati dia dalam keadaan jahiliyyah.”

Para ulama juga menghuraikan kewajipan mentaati *ulil amri*. Hasilnya para ulama menyatakan ijmak bahawa haram memberontak terhadap kerajaan. Imam Nawawi (1998) menyatakan:

وأما الخروج عليهم وقتالهم فحرام بإجماع المسلمين وإن كانوا فسقة ظالمين

“Dan adapun pemberontakan terhadap pemerintah dan memerangi mereka maka hukumnya haram dengan ijmak umat Islam walaupun pemerintah itu fasiq dan zalim.”

Al-Syarbini (1985) menyatakan:

تجب طاعة الإمام وإن كان جائرا فيما يجوز من أمره ونهي

“Wajib taat akan pemerintah - walaupun pemerintah itu zalim - dalam perkara yang harus dari perintahnya dan tegahannya.”

Pada zaman Imam Ahmad ibn Hanbal, pemerintah ketika itu berpegang kepada minhaj pemikiran yang tidak selaras dengan ahli sunnah. Bahkan pemerintah menggunakan kekerasan terhadap golongan yang melawan dasar pemerintah. Para ulama berhimpun bersama Imam Ahmad. Mereka bercadang untuk tidak mentaati pemerintah ketika itu. Namun Imam Ahmad menolak kefahaman dan pendekatan tersebut. Beliau menyatakan (Ibn Barhabsa 2001):

عليكم بالإنكار في قلوبكم ، ولا تخلعوا يدا من طاعة ، لا تشقوا عصا المسلمين ولا

تسفكوا دماءكم ودماء المسلمين معكم

“Ke atas kamu semua ingkar dalam hati kamu, dan janganlah kamu semua mencabut tangan dari ketaatan. Jangan kamu semua memecahkan tongkat umat Islam, dan jangan kamu menumpahkan darah kamu dan darah umat Islam bersama kamu.”

Berasaskan nas al-Quran, hadis Nabi s.a.w. dan huraian para ulama, maka tindakan mengangkat senjata menentang kerajaan adalah haram. Ini kerana tindakan memberontak terhadap kerajaan akan menyebabkan huru-hara dalam negara, pertumpahan darah, pembunuhan, masyarakat hidup dalam kebimbangan dan ketakutan, ekonomi akan





runtuh dan kemiskinan melanda masyarakat kerana tiada agenda pembangunan. Kesemua perkara ini adalah kesan yang muncul daripada fitnah akibat kekacauan dalam masyarakat dan negara. Justeru itu, Nabi s.a.w. mengarahkan agar kekacauan ini dihapuskan dengan segera. Antaranya sabda Nabi s.a.w. (Muslim ibn Hajjaj 1998):

إِنَّهُ سَتَكُونُ هَنَاتٌ وَهَنَاتٌ ، فَمَنْ أَرَادَ أَنْ يُفَرِّقَ أَمْرَ هَذِهِ الْأُمَّةِ وَهِيَ جَمِيعٌ فَاضْرِبُوهُ
بِالسَّيْفِ كَأَنَّكَ مَنْ كَانَ

“Sesungguhnya akan berlaku fitnah-fitnah. Maka sesiapa yang mahu memecahkan urusan umat ini sedangkan ia bersatu maka tetaklah ia dengan pedang tanpa mengira siapa sahaja ia.”

Berdasarkan hadis ini, adalah jelas bahawa ketua wajib dipatuhi. *Maqasid* daripada kepatuhan itu adalah agar wujud keamanan dalam masyarakat dan negara. Ini kerana fitnah berlaku di mana sahaja. Antara fitnah tersebut ialah fitnah yang membawa kepada perpecahan dan pertelingkahan. Oleh kerana itu, hadis ini menjelaskan keharusan untuk membunuh golongan yang menimbulkan fitnah dan kekacauan.

Tidak dinafikan bahawa wujud pemerintah yang zalim dalam sejarah dan realiti. Kezaliman adalah keburukan dan mafsadah. Mafsadah wajib dihilangkan kerana prinsip syariah menetapkan kemaslahatan dan kebaikan terhadap masyarakat. Ini dinyatakan dengan jelas dalam kaedah (al-Zarqa 1998):

الضرر يزال

“Kemudaratan hendaklah dihilangkan.”

Berdasarkan kaedah ini, kezaliman kerajaan mestilah dihapuskan. Antara caranya adalah dengan pemberontakan. Dengan pemberontakan maka kerajaan akan dapat digulingkan. Dengan ini, kezaliman juga akan dapat dihapuskan. Namun begitu, pemberontakan melawan pemerintah membawa kepada mafsadah dan mudarat yang lebih besar. Ini kerana pemberontakan akan membawa kepada peperangan. Mudarat daripada peperangan adalah sangat besar. Ratusan ribu nyawa akan mati akibat peperangan, ekonomi akan runtuh, kebuluran dan sebagainya. Berdasarkan mudarat dan mafsadah pada masa hadapan jika pemberontakan diharuskan, maka menutup ruang mafsadah yang lebih besar adalah amat perlu. Justeru itu, berdasarkan prinsip mudarat yang lebih ringan (أجف الكرين), maka kewajipan taat kepada pemerintah walaupun pemerintah yang zalim adalah kekal dengan wajibnya.





RAMPASAN KUASA TERMASUK DALAM PEMBERONTAKAN

Rampasan kuasa ialah tindakan suatu pihak mengambil alih kuasa kerajaan yang sedia ada. Ia biasanya dilakukan oleh pihak tentera (Kamus DBP online 2013). Ia diganti dengan kerajaan yang baharu. Maka kuasa kerajaan yang sedia ada ditamatkan. Rampasan kuasa adalah termasuk dalam pemberontakan. Pemberontakan adalah haram. Ini kerana mentaati *ulil amri* adalah satu perkara yang wajib. Maka ketidaktaatan ini dengan cara merampas kuasa merupakan perkara yang haram. Pada masa yang sama, rampasan kuasa membawa mudarat seperti protes berterusan daripada penyokong kerajaan asal. Dengan ini, keadaan dalam negara menjadi tidak stabil.

Contohnya rampasan kuasa yang berlaku di Mesir. Pihak tentera Mesir telah merampas kuasa pada tahun Julai 2013 daripada kerajaan sah yang telah dipilih dalam pilihan raya umum. Kesan daripada tindakan ini membawa kepada protes jalanan dan pertempuran antara penyokong tentera dan penyokong kerajaan yang asal. Laporan menyatakan ribuan terkorban apabila pihak tentera menggempur golongan yang berdemonstrasi membantah rampasan kuasa (www.astroawani.com & www.utusan.com.my).

Apabila diteliti, antara matlamat daripada kepatuhan dan ketaatan kepada kerajaan adalah bagi memelihara keamanan dan kestabilan dalam negara. Oleh kerana itu, pemberontakan tidak dibenarkan kerana ia menimbulkan kekacauan dan suasana yang tidak aman. Hal yang sama akan berlaku akibat rampasan kuasa di mana berlaku bantahan, protes, pergaduhan dan pertumpahan darah. Justeru itu dengan melihat *'illah* atau sebab tegahan dalam pemberontakan iaitu suasana yang tidak aman, maka *'illah* ini juga didapati wujud dalam rampasan kuasa. Maka rampasan kuasa juga dapat dikira sebagai satu bentuk pemberontakan.

Jika rampasan kuasa tidak dianggap sebagai satu bentuk pemberontakan, ia tetap dihukum sebagai satu perkara yang salah. Ini kerana terdapat perkongsian *'illah* tegahan antara pemberontakan dan rampasan kuasa. *'illah* tersebut ialah kekacauan, protes berterusan, pertumpahan darah dan sebagainya. Dalam kaedah fiqh ditetapkan bahawa hukum berdasarkan *'illah*. Para ulama menyatakan kaedah (Romli SA, M. Ag. 1999):

الحكم يدور مع العلة وجودا وعدما

“Hukum berputar bersama dengan kewujudan dan ketiadaan *'illah* (sebab).”

PIHAK YANG MERAMPAS KUASA MEMPUNYAI KEKUATAN

Walaupun pemberontakan dan rampasan kuasa adalah salah dan haram, namun kaedah rampasan kuasa ini telah berlaku dalam sejarah. Maka kerajaan sedia ada dijatuhkan dan





digantikan dengan kerajaan yang baharu. Persoalannya, apakah keabsahan kerajaan yang baharu ini untuk diiktiraf sebagai *ulil amri*?

Dalam isu pelantikan *ulil amri*, terdapat tiga kaedah yang dijelaskan oleh para ulama. Tiga kaedah tersebut ialah (Kamil 'Ali Ibrahim Rabba' 2004):

- i. Istikhlaf (الاستخلاف)
- ii. 'Ahd (العهد)
- iii. Taghallub (التغلب)

Istikhlaf ialah cadangan pelantikan pemerintah yang baharu. Cadangan ini daripada pemerintah yang sedia ada ketika hampir kematiannya (al-'Asqalani 1998). Calonnya pula adalah mereka yang memenuhi syarat sebagai pemerintah. Manakala *'ahd* adalah pelantikan daripada pemerintah yang masih sihat tentang pemerintah yang baharu selepasnya (al-Mawardi t.th.). Kadang-kadang insan tersebut memenuhi kriteria sebagai pemimpin dan kadang-kadang tidak. *Bay'ah* pula ialah akad taat setia kepada seseorang pemerintah (Wahbah al-Zuhayli 1997). *Taghallub* ialah keadaan pemerintah baharu yang mempunyai kuasa dan mengalahkan pihak yang lain. Apabila satu pihak merampas kuasa dan mempunyai kuasa tentera, polis dan sebagainya, maka pihak yang merampas kuasa ini termasuk dalam istilah *taghallub*.

Rampasan kuasa termasuk dalam kaedah *taghallub*. Contohnya pihak perampas membunuh ketua negara. Dengan pembunuhan ketua negara, pihak perampas menguasai tentera, polis dan jentera kerajaan. Pihak perampas melantik ketua negara yang baharu. Kaedah pelantikan ini menjadi pertikaian di kalangan para ulama. Al-Khalidi (1980) berpendapat bahawa kaedah ini tidak menjadikan seseorang itu sebagai khalifah. Beliau menyatakan:

والصحيح أن الخلافة لا تنعقد بالقهر والغلبة والاستيلاء

“Dan pendapat yang sahih bahawa khilafah tidak berlaku dengan kekerasan, kemenangan dan penguasaan.”

Namun dalam fikah Islam, kaedah ini diiktiraf walaupun ia bukanlah kaedah yang terbaik. Imam Nawawi menyatakan tiga kaedah pelantikan (al-Nawawi 2000):

وتنعقد الإمامة بالبيعة ... وباستخلاف الإمام ... وباستيلاء جامع الشروط

“Dan berlaku kepimpinan dengan *bay'ah*... dan dengan *istikhlaf* oleh pemerintah... dan dengan penguasaan seseorang yang mencukupi syarat-syarat.”





Imam Ibn Qudamah (2004) pula menyatakan:

ولو خرج رجل على الإمام فقهره وغلب الناس بسيفه حتى أقروا له وأذعنوا بطاعته
وتابعوه صار إماما

“Dan jika seorang lelaki memberontak ke atas pemerintah dan lelaki itu mengalahkannya dan menguasai masyarakat dengan pedangnya hingga masyarakat mengiktirafnya dan tunduk dengan ketaatannya dan mengikutinya maka jadilah lelaki itu sebagai imam.”

Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Dr. ‘Abd al-Salam (1997):

ولو ثبت الإمام بالقهر والغلبة ثم جاء آخر فقهره انعزل وصار القاهر إماما

“Dan apabila sabit pemerintah dengan kekuatan dan penguasaan, kemudian insan yang lain datang lalu mengalahkan pemerintah tersebut maka pemerintah tersebut terpecah dan insan itu menjadi pemerintah yang baharu.”

ANTARA MAQASID SYARIAH DALAM ASPEK KENEGARAAN ADALAH KEAMANAN

Rampasan kuasa tidak seharusnya dibenarkan. Ini kerana ia membawa kepada protes daripada pihak yang dijatuhkan. Protes ini boleh membawa kepada pembunuhan dan perang saudara. Justeru itu, Islam tidak mahu suasana yang tidak aman ini berterusan dalam tempoh yang panjang. Oleh itu, *maqasid* syariah dalam negara ialah keamanan.

Pemerintah yang zalim wajib juga dipatuhi perintah dan tegahannya dalam lingkungan perkara yang harus. *Maqasid* syariah daripada dasar ini adalah keamanan. Pemerintah yang mendapat kuasa dengan kaedah rampasan kuasa daripada kerajaan yang sah merupakan pemerintah yang zalim. Namun demi memelihara keamanan maka pemerintah sebegini juga wajib ditaati. Imam al-Ghazali (1996) menyatakan tujuan agar pemerintah ditaati dan tidak ditegur dengan keras:

“Dan adapun menegah dengan keras maka tidaklah demikian bagi individu rakyat bersama penguasa, maka sesungguhnya ia menggerakkan fitnah dan menyalakan kejahatan dan apa yang terbit daripadanya adalah larangan yang lebih banyak.”

Apatah lagi jika pihak yang merampas kuasa mempunyai kekuatan tentera, polis, jentera kerajaan dan sebagainya. Maka tindakan memprotes dengan turun ke jalan raya terhadap rampasan kuasa dikhuatiri membawa kepada kesan mudarat yang lebih besar seperti pertumpahan darah.





Imam Nawawi (1998) menyebutkan maksud utama dalam hal pentadbiran negara adalah agar wujud kesatuan dan perpaduan dalam masyarakat Islam. Dengan ini, ia dapat mengelakkan fitnah, pertumpahan darah dan kerosakan urusan agama serta dunia.

Imam Ibn Qudamah (2004) menyatakan:

وذلك لما في الخروج عليه من شق عصا المسلمين وإراقة دمائهم وذهاب أموالهم

“Dan demikian kerana pada pemberontakan ke atasnya (pemerintah) daripada pemecahan kesatuan umat Islam, pertumpahan darah mereka dan kehilangan harta mereka.”

Al-Syarbini (1985) menyatakan:

ولأن المقصود من نصبه اتحاد الكلمة ، ولا يحصل ذلك إلا بوجوب الطاعة

“Dan kerana sesungguhnya maksud dari pelantikannya agar wujud kesatuan kalimah, dan maksud ini tidak berhasil melainkan dengan kewajipan taat.”

Jalal al-Din al-Mahalli (2003) menyatakan:

وتعتقد أيضا باستيلاء جامع الشروط بعد موت الإمام من غير عهد ولا بيعة بأن قهر
الناس بشوكته وجنوده لينتظم شمل المسلمين

“Dan berlaku juga kepimpinan dengan penguasaan seseorang yang cukup syarat selepas kematian pemerintah tanpa ‘*ahd* dan ‘*bay’ah* dengan kaedah bahawa beliau memaksa masyarakat dengan kekuatannya dan tenteranya agar tersusun kehidupan umat Islam.”

Para ulama silam telah menjelaskan sebab di sebalik kepatuhan dan ketaatan kepada pemerintah yang baharu mendapat kuasa walaupun dengan cara rampasan kuasa. Sebab atau ‘*illahnya* adalah agar *maqasid* syariah terpelihara. *Maqasid* syariah bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Syariah juga diasaskan di atas masalahat-maslahat insan di dunia dan di akhirat. Matlamat-matlamat dalam *maqasid* syariah ini tidak akan tercapai jika negara berada dalam keadaan tidak aman. Sebaliknya suasana tidak aman ini menyebabkan *maqasid* syariah ini terabai.

Pihak yang merampas kuasa adalah bersalah dan berdosa. Ini kerana mereka telah melakukan rampasan kuasa. Rampasan kuasa termasuk dalam pemberontakan terhadap pemerintah yang wajib ditaati. Namun Islam tidak mahu suasana ini berterusan kerana ia menjejaskan kebaikan dan kemaslahatan insan. Justeru itu, pihak yang merampas kuasa diiktiraf juga sebagai *ulil amri*.





Maka pertimbangan perlu dilakukan antara maslahat dan mafsadah. Pemerintah yang mendapat kuasa dengan kaedah rampasan kuasa biasanya akan bertindak keras terhadap anasir-anasir yang boleh menggugat pemerintahannya. Masyarakat hidup dalam kebimbangan dan ketakutan. Sebaliknya jika masyarakat menentang pemerintah yang baharu dengan menzahirkan penentangan dan pemberontakan, maka akan berlaku perang antara dua pihak di kalangan umat Islam. Mudarat daripada perang ini lebih besar. Oleh itu, bagi mengelakkan mudarat yang lebih besar, maka pihak yang merampas kuasa dan mempunyai kekuatan diiktiraf sebagai *ulil amri*. Ini bertepatan dengan tiga kaedah yang penting iaitu (al-Nadawi 2000):

- i. Mudharat dihilangkan (الضرر يزال)
- ii. Mudharat yang berat dihilangkan dengan mudharat yang lebih ringan (الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف)
- iii. Apabila dua mafsadah bertembung maka diperhatikan mudharat yang lebih besar dengan menerima mudharat yang lebih ringan (إذا تعارض مفسدتان (روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما)

Imam Ibn Taymiyyah (1992) menyatakan prinsip ini:

وعلى أن الواجب تحصيل المصالح وتكميلها ، وتعطيل المفساد وتقليلها . فإذا تعارضت كان تحصيل أعظم المصلحتين بتفويت أدناهما ، ودفع أعظم المفسدتين مع احتمال أدناهما هو المشروع

“Dan atas sesungguhnya perkara wajib ialah menghasilkan maslahat-maslahat dan menyempurnakannya, serta melumpuhkan mafsadah-mafsadah dan mengurangkannya. Maka apabila wujud pertembungan, adalah ia dengan menghasilkan maslahat yang lebih besar daripada dua maslahat dengan menghilangkan maslahat yang paling kurang, serta menolak mafsadah yang lebih besar daripada dua mafsadah dengan menanggung mafsadah yang paling ringan maka inilah yang disuruh.”

Manakala al-Khalidi (1980) yang berpendapat bahawa jawatan khalifah tidak berlaku dengan kaedah paksaan juga berpendapat bahawa maslahat menjadi neraca bagi menilai keperluan menentang pelantikan kaedah ini. Jika tidak timbul fitnah yang besar, maka pihak berkuasa yang merampas kuasa mesti ditentang. Namun jika wujud fitnah dan pertumpahan darah, maka tidak harus memberontak terhadap kerajaan baharu yang mendapat kuasa dengan kaedah paksaan dan rampasan kuasa. Maka ijmak ulama menyatakan haram menentang kerajaan yang berkuasa walaupun mendapat kuasa dengan kaedah yang tidak sepatutnya. Ibn Hajar al-‘Asqalani menyebutkan kalam Ibn Battal (1998):





وقد أجمع الفقهاء على وجوب طاعة السلطان المتغلب والجهاد معه ، وأن طاعته خير من الخروج عليه لما في ذلك من حقن الدماء وتسكين الدهماء

“Dan para fukaha sepakat atas kewajipan taat kepada pemerintah yang mendapat kuasa dengan kaedah rampasan dan kewajipan berjihad bersama pemerintah ini, dan ketaatan kepada pemerintah ini lebih baik daripada pemberontakan ke atasnya kerana pada demikian dapat memelihara darah dan menenangkan masyarakat.”

SOKONGAN TERHADAP PERAMPAS KUASA MENURUT SYARIAH

Banyak pihak keliru apabila terdapat pendapat tentang tindakan para ulama yang bersama dengan pihak yang merampas kuasa. Maka tuduhan dilemparkan bahawa tindakan para ulama sebegini adalah sebagai tindakan yang menyokong kezaliman dan maksiat. Sesungguhnya amat jelas bahawa menyokong kezaliman adalah dosa yang besar. Namun kebersamaan dan sokongan kepada pihak yang merampas kuasa bukanlah tanda sebenar bahawa ia menyokong kezaliman. Dalam isu ini, pertimbangan diberi kepada dua mafsadah. Dua mafsadah itu ialah:

- i. Kezaliman pemerintah baharu yang merampas kuasa
- ii. Pertumpahan darah antara pemerintah baharu dengan rakyat yang menentang

Pendapat ulama yang menyokong pemerintah yang baharu bukanlah reda dengan kezaliman. Namun kezaliman boleh dikurangkan jika tidak wujud penentangan. Sebaliknya sudah pasti pemerintah yang baharu akan menggunakan kekerasan termasuk pembunuhan bagi menghapuskan golongan yang cuba menentang mereka. Pertumpahan darah membawa kepada balas dendam. Gerakan penganas boleh menyusup masuk dengan membuat banyak pengeboman terhadap orang awam. Masyarakat hidup dalam kebimbangan dan ketakutan. Perintah berkurang terpaksa dikuatkuasakan. Para pelabur tidak masuk membuat pelaburan. Ekonomi merudum. Pengangguran meningkat. Pelbagai lagi kesan negatif jika negara tidak aman.

Oleh itu, mudarat yang lebih ringan adalah dengan bersama pemerintah yang baharu walaupun kaedah mendapatkan kuasanya melalui pemberontakan dan rampasan kuasa. Dalam isu ini, ‘Izz al-Din (1998) menyatakan satu kaedah penting iaitu:

قد تجوز الإعانة على المعصية لا لكونها معصية بل لكونها وسيلة إلى تحصيل المصلحة
الراجعة

“Kadang-kadang harus membantu atas perkara maksiat bukan kerana (matlamat) maksiat tetapi kerana keadaannya sebagai medium kepada penghasilan maslahat yang lebih besar.”





Dalam menjelaskan kaedah ini, beliau membuat contoh kebersamaan dengan pemerintah yang fasiq. Jika wujud pemerintah-pemerintah yang fasiq dengan membunuh, berzina dan merampas harta, maka kita mengutamakan pemerintah yang merampas harta. Ini kerana tahap merampas harta lebih ringan daripada pembunuhan dan zina. Maka wujud keharusan untuk umat Islam membantu pemerintah ini bagi menghapuskan pemerintah yang lain.

Manakala al-Zarqa (1998) membuat contoh keharusan diam apabila melihat perkara Munkar jika tindakan mengingkari maksiat membawa kepada mudarat yang lebih besar. Ini sebagaimana keharusan taat kepada ketua yang zalim apabila tindakan melawannya membawa kepada mudarat yang lebih besar.

KESIMPULAN

Ketaatan kepada pihak *ulil amri* iaitu kerajaan dan pemerintah merupakan satu kewajipan. Oleh itu, haram mengangkat senjata dan memberontak terhadap pemerintah. Tindakan rampasan kuasa adalah termasuk dalam lingkungan pemberontakan. Maka apa jua tindakan merampas kuasa adalah salah. Justeru itu, tindakan ini hendaklah dihalang. Walau bagaimanapun, pemberontakan dan rampasan kuasa telah berlaku di sesetengah negara. Maka jika pihak yang merampas kuasa menguasai negara, maka pihak tersebut sudah diiktiraf sebagai pihak *ulil amri* yang baharu. Ini bertujuan agar tidak berlaku peperangan, pembunuhan dan pertumpahan darah tanpa hak. Dengan pengiktirafan ini, keamanan dan keharmonian yang merupakan teras dalam *maqasid* syariah dalam aspek kenegaraan diharap dapat dikembalikan. Justeru itu, masyarakat perlu bertenang dan sewajarnya bertindak dengan lebih matang dan bijak bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abu Hamid al-Ghazali. 1996. *Ihya 'Ulum al-Din*. Mansurah: Maktabah al-Iman.

Abdullah ibn Ahmad ibn Qudamah. 2004. *al-Mughni*. Qaherah: Dar al-Hadith.

Abd al-Salam Bisyr Muhammad Sa'id. 1997. *Ahkam al-Imamah al-'Uzma 'inda Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Qaherah: Matba'ah al-'Umraniyyah.

Abd al-Salam ibn Barhabasa. 2001. *Mu'amalah al-Hukkam fi Dawi al-Kitab wa al-Sunnah*. Emirates: Maktabah al-Furqan.

Ahmad ibn Muhammad al-Zarqa. 1998. *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam.





- Ahmad ibn ‘Abd al-Halim ibn Taymiyyah. 1992. *al-Siyasah al-Syar’iyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Lubnani.
- Ahmad ibn ‘Ali ibn Hajar al-‘Asqalani. 1998. *Fath al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ali Ahmad al-Nadawi. 2000. *al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Ali ibn Muhammad al-Mawardi. t.t. *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Qaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Isma’il ibn ‘Umar ibn Kathir. 1996. *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Izz al-Din ibn ‘Abd al-Salam. 1998. *Qawa’id al-Ahkam*. Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Kamil ‘Ali Ibrahim Rabba’. 2004. *Nazariyyah al-Khuruj fi al-Fiqh al-Siyasi al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Kamus DBP Online di prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=rampasan+kuasa. Dicapai pada 3 November 2013.
- Mahmud ‘Abd al-Majid al-Khalidi. 1980. *Qawa’id Nizam al-Hukm fi al-Islam*. Kuwait: Dar al-Buhuth al-‘Ilmiyyah.
- Muhammad ibn ‘Ali al-Syawkani. t.t. *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi.
- Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi. 1996. *al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir dan Prof. Madya Dr. Muhd. Najib Abdul Kadir. T.th. “*Ulil Amri Sebagai Pemangkin Tamadun Umat Islam: Analisis Ayat 59 Surah al-Nisa*”, Prosiding Seminar Wahyu Asas
- Muhammad al-Syarbini al-Khatib. 1985. *Mughni al-Muhtaj*. Qaherah: Mustafa al-Halabi.
- Romli SA. 1999. *Muqaranah Madhahib fi Usul*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- www.astroawani.com/news/show/konflik-mesir-525-orang-terbunuh, dicapai pada 29 Julai 2014; www.utusan.com.my/utusan/Luar_Negara/20130815/lu/Pembunuhan-beramai-ramai, dicapai pada 1 Ogos 2014
- Wahbah al-Zuhayli. 1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Yahya ibn Syaraf al-Nawawi. 1998. *Syarh Sahih Muslim*. Damsyiq: Dar al-Khayr.
- Yahya ibn Syaraf al-Nawawi. 2000. *Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

